AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 198.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,070.00 ITEM ID: MY0071069531



11 SEP, 2026

Rakan BORNEENSIS 2026 bina generasi muda celik STEM serta cakna terhadap biodiversiti dan pemuliharaan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



# Rakan BORNEENSIS 2026 bina generasi muda celik STEM serta cakna terhadap biodiversiti dan pemuliharaan

**KOTAKINABALU:** Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus membina generasi muda yang celik Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta cakna terhadap biodiversiti dan pemuliharaan.

Ia dilaksana menerusi Program Rakan BORNEENSIS 2026 yang menggunakan pendekatan pembelajaran praktikal dan interaktif.

Program anjuran Sektor BORNEENSIS, IBTP itu mendapat sokongan Akademi Sains Malaysia (ASM) melalui sumbangan dana dan kepakaran, selain kerjasama Pertubuhan Pemuliharaan Biodiversiti Sabah (Seratu Aatai).

Sokongan ASM memberikan nilai tambah kepada program menerusi perkongsian ilmu dan kepakaran berkaitan sains serta kelestarian, sekali gus membantu menghubungkan pengalaman pembelajaran peserta dengan isu biodiversiti dan alam sekitar pada peringkat yang lebih luas.

Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah Saikim berkata, kerjasama dengan ASM membantu memperkayakan kandungan program, khususnya dalam menghubungkan pendidikan biodiversiti di peringkat akar umbi dengan agenda sains dan kelestarian pada peringkat kebangsaan.

"Kami amat menghargai sokongan ASM yang bukan sahaja membantu dari segi dana, tetapi turut menyumbang kepakaran dan kandungan yang memperkayakan pengalaman pembelajaran peserta.

"Kerjasama seperti ini penting kerana kita mahu generasi muda memahami bahawa biodiversiti di sekeliling mereka mempunyai kaitan dengan isu yang lebih besar seperti kesihatan bumi, perubahan alam sekitar dan kelestarian.

"Dengan membawa perspektif tersebut lebih dekat kepada mereka, kita dapat membina kefahaman bahawa sains bukan sekadar sesuatu yang dipelajari, tetapi perlu diterjemahkan kepada tindakan," jelasnya.

Tambah Fiffy, pendidikan biodiversiti perlu membentuk generasi yang bukan sahaja mempunyai pengetahuan, malah mempunyai kesedaran dan keinginan untuk mengambil tindakan dalam menjaga alam sekitar.

"Kita mahu peserta pulang dengan lebih daripada sekadar kenangan. Kita mahu mereka membawa pulang pengetahuan, rasa ingin tahu dan kesedaran bahawa mereka juga mempunyai peranan dalam menjaga alam sekitar.

"Apabila institusi seperti UMS, ASM dan organisasi pemuliharaan bekerjasama dalam pendidikan generasi muda, kita bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi sedang membina jaringan generasi yang akan menjadi penjaga biodiversiti dan alam sekitar pada masa hadapan," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 6 PRINTED SIZE: 198.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 1,070.00 ITEM ID: MY0071069531



11 SEP, 2026

# Rakan BORNEENSIS 2026 bina generasi muda celik STEM serta cakna terhadap biodiversiti dan pemuliharaan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



## SUMMARIES

KOTAKINABALU: Institut Biologi Tropika dan Pemu liharaan (IBTP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus membina generasi muda yang celik Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matema tik (STEM) serta cakna terhadap biodiversiti dan pemuliharaan. Ia dilaksana menerusi Program Rakan BORNEENSIS 2026 yang menggunakan pendekatan pembelajaran praktikal dan interaktif. Program anjuran Sektor BORNEENSIS, IBTP itu mendapat sokongan Akademi Sains Malaysia (ASM) melalui sumbangan dana dan kepakaran, selain kerjasama Pertubuhan Pemuliharaan Biodiversiti Sabah (Seratu Aatai).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.